

Rabu, 3 Jun 2020 - 9:43AM



#DudukRumah • Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

tempoh tamat 06 Hari 14 Jam 14 Minut

Ikuti Berita terkini Covid-19

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU SETULUS IKHLAS COVID-19 SEMUA SEKSYEN

BERITA » Nasional  
Sabtu, 4 April 2020 | 9:25pm

Cari Kata Kunci



Orang ramai beratur menunggu giliran masuk Pasar Chow Kit bagi membeli barangan keperluan ketika tinjauan hari ini. Polis memperketatkan lagi PKP dengan mengawal kemasukan orang ramai ke pasar. Hanya 20 orang dibenarkan masuk dalam satu masa ke pasar dengan tempoh masa 20 minit seorang. - Foto BERNAMA



Kini Tiada Lagi Masalah Bibir Hitam dan Kusam, Terima Kasih Ratasya Cosmetics!

### Disyorkan



Majlis Fatwa Sabah umum tambah bilangan solat berjemaah mulai Jumaat ini



Video tular polis tendang suspek: Siasatan dalaman dijalankan



64 kompaun kesalahan ziarah

## COVID-19: Perhimpunan, aktiviti awam perlu ditangguh walau PKP tamat

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman  
bhnews@bh.com.my

Share Tweet

KUALA LUMPUR: Rakyat perlu mengikuti saranan Kementerian Kesihatan yang tidak menggalakkan perhimpunan besar atau aktiviti perkumpulan diadakan walaupun selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pakar psikologi dan sosial, Prof Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din menjelaskan antara kawasan yang perlu diberi perhatian terhadap larangan itu ialah kawasan yang mempunyai sejarah PKP Diperketatkan (PKPD) atau dikenal pasti sebagai kawasan zon merah.

"Rakyat perlu akur dengan nasihat Kementerian Kesihatan ini kerana dalam tempoh selepas PKP berakhir, mungkin wabak berkenaan masih belum dapat dikawal sepenuhnya.

"Majlis atau program keramaian, perhimpunan atau bazar Ramadan memang perlu dielakkan atau dilarang diadakan dalam tempoh setahun terutama di tempat yang ada rekod PKPD dan zon merah.

"Rakyat perlu terima saranan Kementerian Kesihatan ini supaya wabak berkenaan benar-benar dapat dikawal sepenuhnya," katanya kepada BH, hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, perhimpunan ramai seperti bazar Ramadan perlu dielak walaupun tempoh PKP tamat. Walaupun tempoh PKP berakhir, norma dan amalan kehidupan rakyat Malaysia perlu berubah dan perhimpunan ramai tidak digalakkan dalam tempoh enam bulan hingga setahun.

Mohamed Fadzil yang juga pensyarah di Fakulti Pengajian Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) percaya, saranan Kementerian Kesihatan itu mempunyai asas yang kukuh kerana mereka arif dengan tabiat dan cara hidup rakyat serta kawalan kesihatan.



64 kompaun kesihatan ziaran Aidilfitri



Macau Scam: Wanita warga emas kerugian RM682,000



Khabib enggan jalani ujian COVID-19



Najib tidak patut dihukum berdasarkan pendapat umum - Peguam



F1 umum jadual 8 perlumbaan di Eropah



MMU pertimbang kurangkan yuran pelajar



Pekerja Indonesia maut dihempas sisa runtuh dinding rumah



Perintah berkurang sebelah malam di New York disambung hingga 7 Jun

Popular



KONGSI ARTIKEL

Share Tweet

"Barangkali bila diadakan perhimpunan seperti bazar Ramadan, kenduri atau aktiviti membabitkan ramai orang, wabak berkenaan boleh merebak kembali.

"Kementerian Kesihatan tahu tabiat dan cara hidup rakyat kita, sebab itu mereka seru supaya tidak diadakan perhimpunan atau aktiviti orang ramai," katanya.

Bellau percaya, kawalan kebebasan yang berterusan penting walaupun selepas PKP berakhir kerana ia mampu mengubah pemikiran masyarakat supaya mengutamakan aspek kebersihan dan kesihatan dalam setiap aspek kehidupan.

Katanya, tempoh enam bulan hingga setahun wajar dimanfaatkan masyarakat untuk mengubah gaya hidup mereka terutama dalam aspek penjagaan kesihatan awam.

- Lagi berita mengenai COVID-19



Feeding 1.8 million+ children's across India, Every day!



### Berita Berkaitan



PKPD langkah efektif kekang penularan di Zon Merah



COVID-19: Elak perhimpunan ramai 6 bulan hingga setahun selepas PKP - KP Kesihatan



COVID-19: Tiada bazar Ramadan di Pahang



COVID-19: KKM sedia pertimbang pelaksanaan e-bazar Ramadan

### Popular



Polis Miami melutut mohon ampun



Laporan SPRM terhadap bekas Menteri Kewangan, Peguam Negara



Farid Kamil kena penjara 13 bulan



Fizi mohon maaf kontroversi dialog Upin & Ipin



COVID-19: Kluster baharu di pangsapuri Cheras - KP Kesihatan



Bintang Hollywood berang pembunuhan tanpa belas kasihan



Wanita tunggu kelahiran meninggal dunia dalam kereta



Video tular polis tendang suspek: Siasatan dalaman dijalankan